



Ruj. Kami : KKM 87/A2/100-2/0 Jld. 2 (16)
Tarikh : 18 MAC 2020

Pemegang Perakuan Pendaftaran / Pemegang Lesen,
Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta,

Tuan/ Puan,

COVID-19: OPERASI FASILITI KESIHATAN SWASTA

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Jadual, Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020, sektor jagaan kesihatan dan perubatan telah disenaraikan sebagai salah satu **perkhidmatan perlu** (*essential services*) yang boleh dibuka.

3. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat **klinik perubatan swasta / klinik pergigian swasta / pusat jagaan ambulatori swasta / rumah bersalin swasta** yang perlu mengubah waktu operasi atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, pemegang perakuan atau pemegang lesen perlu mengemukakan notifikasi melalui emel ke alamat **ckaps@moh.gov.my** beserta butiran seperti berikut:

- (a) Nama fasiliti;
- (b) Alamat fasiliti;
- (c) Sebab perubahan waktu operasi;
- (d) Butiran perubahan waktu operasi; dan
- (e) Nama dan no telefon (pemegang perakuan / pemegang lesen).

Perubahan operasi ini **hanya terpakai** sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. AHMAD RAZID BIN SALLEH, MMC: 26560)

Pengarah Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
b.p. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k. Ketua Pengarah Kesihatan
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
Pengarah Kanan, Program Kesihatan Pergigian
Ketua, Unit Komunikasi Korporat KKM